

Headline **Naik taraf kolej Risda**  
Date **29. Jun 2008**  
Media Title **Mingguan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Circulation **483240**  
Readership **1810000**

Language **MALAY**  
Page No **18**  
Article Size **76** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**



## Naik taraf kolej Risda

JITRA 28 Jun- Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) akan menaikkan taraf kolejnya di Melaka kepada kolej universiti bagi melahirkan generasi kedua masyarakat pekebun kecil dan luar bandar yang berdaya saing dalam bidang pendidikan dan pasaran kerja semasa.

Sehubungan itu, Pengerusinya, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik berkata, Risda akan membuat kajian semula terhadap program akademik dan kemahiran di kolej itu supaya ia dapat berdikari sebagai sebuah pusat pengajian tinggi yang unggul.

Buat masa sekarang, katanya, Kolej Risda cuma merupakan satu francais iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil dan diploma kepada

siswazah kolej berkenaan.

"Satu kajian semula akan dibuat agar Kolej Risda menjadi lebih besar dari segi kemudahan, populasi pelajar dan supaya ia diiktiraf bukan saja di negara ini tetapi luar negara.

"Adalah menjadi wawasan Risda untuk melihat suatu hari nanti Kolej Risda yang hanya menjadi francais kepada UPM akan menjadi institusi pendidikan yang serius dan terkenal dalam bidang pertanian," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Tahun Produktiviti 2008 Peringkat Negeri Kedah di Dewan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kubang Pasu di sini.